

# Rakyat Indonesia turut merasai persaraan Dr. M

YOGJAKARTA 21 Okt. — Persaraan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada akhir bulan ini bukan saja akan dirasai kehilangan oleh rakyat Malaysia tetapi perasaan yang sama dialami oleh rakyat Indonesia yang menganggap Dr. Mahathir sebagai pembela negara-negara membangun dan negara miskin.

Tinjauan di kalangan penduduk di bandar ini mendapati mereka benar-benar menghormati dan menyanjung tinggi keberanian dan kelantangan Dr. Mahathir dalam membela nasib negara-negara miskin dan tertindas pada persidangan antarabangsa termasuk pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Negara Islam (OIC) di Putrajaya, yang berakhir minggu lalu.

Seorang jurutera, **Try Sutrianto**, 25, berkata, apa yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri Malaysia itu terutama dari segi kepimpinan adalah sesesuai yang mengka-

Menurut Try, Dr. Mahathir

bukan saja berjaya membawa Malaysia sebagai salah sebuah negara Asia termaju tetapi beliau sanggup menjadi pejuang bagi membela nasib-nasib negara-negara membangun dan miskin lain walaupun sikapnya itu tidak disenangi oleh banyak pemimpin Barat.

Dengan kelantangannya sebagai pembela, beliau berkata, negara-negara miskin dan membangun akan kehilangan seorang 'hero' dan pejuang mereka selepas ini.

Katanya, rakyat Malaysia bertuah memiliki pemimpin besar seperti ini dan Dr. Mahathir patut berbangga kerana bersara pada ketika negara pesat membangun dan rakyat sayang kepadanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas lawatan Perdana Menteri ke Yogyakarta selama dua hari mulai hari ini dan pandangannya mengenai persaraan Dr. Mahathir pada penghujung bulan ini.

Dr. Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah

Mohd. Ali dijangka tiba di Lapangan Terbang Adi Sucipto pada kira-kira pukul 9.30 malam ini.

**UM 22 OCT**  
Adi Suratman, 53, peniaga di pasar rakyat Malioboro, pula berkata, beliau sendiri kagum kerana Perdana Menteri Malaysia itu dapat bertahan begitu lama dan tetap disenangi oleh rakyatnya.

Beliau juga tertarik kepada Dr. Mahathir kerana tidak meminta bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) sehingga Malaysia tidak terikat dengan kuasa asing.

Pelukis, **Supromo**, 23, berkata, walaupun Dr. Mahathir itu gemar mengkritik kuasa Barat tetapi selepas ini, mereka sudah tentu akan merasai kehilangan seorang pemimpin besar Asia.

"Sebagai pelukis, saya melihat Pak Mahathir adalah manusia yang tinggi daya fikirnya. Pasti dia seorang yang kuat membaca," katanya. — *Utusan*